

1978

KUALA LUMPUR, 10 APRIL (BERNAMA)— KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MENINGGIKAN MUTUKERJA JABATAN-JABATANNYA DI SEMUA PERINGKAT UNTUK MENYEMPURNAKAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TANAH, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENAMBAH, DI SAMPING ITU USAHA JUGA SEDANG DIBUAT UNTUK MENGISIKAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG YANG TERDAPAT DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TANAH NEGARA DI BANGUNAN PARLIMEN, BELIAU BERKATA, KAJIAN TELAH MENUNJUKKAN SERANYAK 80,000 KEKOSONGAN JAWATAN DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN.

KATANYA, SEKARANG INI NEGERI-NEGERI AKAN DIMINTA MEMBERI BUTIR-BUTIR JAWATAN KOSONG DAN MASALAH YANG MEREKA HADAPI DALAM MENGISIKAN JAWATAN-JAWATAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BANYAK SUNGUTAN DIBUAT BAHAWA KEKURANGAN KAKITANGAN MENYEBABKAN PENTADBIRAN TANAH TIDAK SEMPURNA. —BERSAMBUNG 1517/AH

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DALAM USAHA UNTUK MENINGGIKAN MUTUKERJA, LATIHAN AKAN DIPERI KEPADA KAKITANGAN-KAKITANGAN KERAJAAN DAN SISTEM PENGURUSAN TANAH AKAN DISELARASKAN DAN DISUSUN RAPI DENGAN MENGADAKAN +RAJAH ALIRAN KERJA+ DAN LAIN-LAIN SUSUNAN SECARA MODEN SEPERTI MENGGUNAKAN KOMPUTER, KATANYA.

TAMBAH BELIAU ADA KEMUNGKINAN DIADAKAN SATU DATA RANK UNTUK BUTIR-BUTIR PEMILIKAN TANAH.

UNIT PEMODENAN PENTADBIRAN DAN PERANCANGAN TENAGA MANUSIA DI JABATAN PERDANA MENTERI TELAH DI BERI TUGAS MENKKAJI DAN MEMODENKAN SISTEM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN DENGAN MENGGUNAKAN ALAT-ALAT PENGURUSAN MODEN SEPERTI KOMPUTER.

DALAM USAHA INI PARA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI DIKEHENDAKI MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BERKESAN DENGAN MEMBUAT LAWATAN KE JABATAN-JABATAN DAN MENENTUKAN SUPAYA PENTADBIRAN BERJALAN LEBIH TERTIB. —BERSAMBUNG 1525/AH

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DTU SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA MESYUARAT ITU JUGA BERBINCANG DENGAN PANJANG LEBAR MENGENAI PENGELUARAN HAK MILIK STRATA UNTUK RUMAH-RUMAH PANGSA.

KATANYA, +MASALAH TIDAK TIMBUL DENGAN RUMAH PANGSA YANG SUDAH SIAP TETAPI DENGAN RANCANGAN RUMAH PANGSA BARU YANG MUNGKIN HAK MILIKNYA TELAH DIJUAL KEPADA PEMBELI SEBELUM DIBENA.

+MASALAHNYA, SEPERTI DI KUALA LUMPUR INI DIMANA ADA SATU RANCANGAN RUMAH PANGSA MEWAH, KUTIPAN TELAH DIBUAT DAN RANCANGAN ITU GAGAL DAN PEMBELI-PEMBELINYA TIDAK BOLEH DAPAT BALIK WANG PERTARUHAN MEREKA. +

BELIAU BERKATA, MASALAH SEPERTI ITU PERLU DIELAK DAN KERAJAAN AKAN MENKKAJI UNDANG-UNDANG NEGARA LAIN UNTUK MENYUSUN UNDANG-UNDANG SUPAYA MENGELAKKAN PERKARA ITU.

MENGENAI MASALAH SETINGGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MAJLIS KHUATIR TERHADAP PENGELUARAN LISEN TUMPANG SEMENTARA (TOL) OLEH BADAN-BADAN TERTENTU DI KAWASAN MAJLIS BANDARAN. —, BERSAMBUNG 1525/1P

ADA TERDAPAT BANGUNAN-BANGUNAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN MAJLIS BANDARAN DIBENA DI KAWASAN BANDARAN.

+INI ADALAH SATU MASALAH DAN KITA AKAN MENKKAJI BAGAIMANA MENGELAKKANNYA, + KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. — BERNAMA 1536/1B